



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN PEKEBUN-PEKEBUN SAYURAN-SAYURAN MALAYSIA, NATION, SIN CHEW DAILY -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	PETANI TANAM TIMUN RUGI AKIBAT CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO -16 PESTA KERJAYA TANI BANTU CARILALUAN KERJAYA, PENDIDIKAN, BH -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6.	REMAJA BAKAR ANJING TERLEPAS HUKUMAN SEBATAN RINGAN, NEGARA, KOSMO -8 ISU TELUR OMEGA, VETERINAR PANTAU LADANG TELUR, DALAM NEGERI, UM -7 AYAM BOLEH CECAH RM26 SEEKOR, DALAM NEGERI, UM -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8. 9.	KONSPIRASI DORONG SELEWENG DIESEL?, DALAM NEGERI, UM -7 MUARA 'KERING' SUKARKAN 300 NELAYAN, LOKAL, HM -17 MUARA DI PANTAI KEMASIK CETEK SULITKAN NELAYAN, NASIONAL, BH -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	CUACA PANAS: FAMA BANTU USAHAWAN TANI, DALAM NEGERI, UM -36 FAMA TO OPEN MORE FARMER'S MARKETS NATIONWIDE, NATION, THE STAR -11 VEGGIE FARMERS SEEK GOVT'S HELP TO EXPEDITE BIG DATA SYSTEM, NATION, THE STAR -10 FAMA BANTU USAHAWAN TANI TERJEJAS CUACA PANAS, NEGARA, SH -4 HARGA SAYUR TURUN NAIK SETIAP MINGGU, LOKAL, HM -20 FAMA SASAR BUKA 14 PASAR TANI BAHARU TAHUN INI, BISNES, SH -28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16. 17.	BEKALAN AIR TANDAK ORANG ASLI KERING, DALAM NEGERI, UM -36 PETANI DINASIHATKAN JANGAN MEMBAZIR AIR, DALAM NEGERI, UM -36	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
18. 19.	KERAJAAN PERSEKUTUAN TUMPU LIMA ASPEK BANGUNKAN KEDAH, NEGERI TERENGGANU, SH -26 5 AGENDAS FOR KEDAH'S DEVELOPMENT, NEWS, NST -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur-Sayuran Malaysia makes 6		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	22 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	11	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	297 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,946
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,838



菜農總會及峇菜農聯慶週年

轉交支票儀式

陳泓謙（左三）移交
模拟支票予馬來西亞菜農
總會及峇縣菜農聯合會代
表：左一起是張威揚、林
仕偉；右一起為羅如山、
鄭榮傑、文云龍。（歐妙
香攝）

**菜農總會向副農長提6訴求
請助農友合法地耕種**

（峇株巴轄21日訊）
馬來西亞菜農總會會長林
仕偉提出6項農業相關課
題與訴求，希望獲得農業
及糧食安全部副部長陳泓
謙關注，為菜農提供良好的
種植環境與公平的市场
機會。

盼重視津貼 簡化申請外勞

他說，首先，非法耕
地是亟需解決的課題，許多
菜農不得不在非法或未經批
准的土地上種植，為農業產
業帶來很大的不確定性及風
險，希望農業部能加強監
管，加大力度解決非法耕地

問題。

“這項問題在金馬倫和
霹靂州尤其嚴重，但一直以
來却無法解決，希望副農長
能夠作為中間人，協助菜農
與州政府交涉，進而協助農
友在合法與穩定的種植土地
耕種。”

林仕偉昨晚出席馬來西
亞菜農總會慶祝成立35周年
紀念暨峇株巴轄縣菜農聯合
會慶祝40周年紀念聯歡晚宴
時，提出6項涵蓋農耕地、
市場、農產品津貼、氣候變
化、外勞、蔬果政策的課題。

他指出，市場需求的变化
和價格波動對菜農的收入
造成很大影響，希望農業

部能加強市場調研和信息共
享，提供更準確的市場預測
和指導，幫助菜農根據市
場需求調整種植結構和銷售
策略，提高農產品的競爭力
和穩定收益。

“除此之外，農產品產
量津貼的問題也需要受到重
視，希望農業部能考慮提供
適當的農產品產量津貼，以
幫助菜農應對種植成本的
壓力，保障他們的利益。”

他說，氣候變化也是
菜農面對的挑戰之一，希望
農業部能加強對氣候變化的
研究和預警，為菜農提供更
有效的災害管理和應對措
施。

“我們也希望農業部能

穩定外勞政策，簡化外勞申
請程序，讓菜農能更順利
地聘請合法外勞，保證正常
的生產運作。”

“拿鋤頭”公會 不忘捐華教

他也希望農業部成立專
門的蔬果局，提供專門的支
持與政策建議，確保菜農
能獲得更好的資源和發展機
會，勿讓菜農像“沒有家
的孩子”被忽視。

另一方面，林仕偉說，
該會雖然是一個“拿鋤頭”
的公會，但在教育方面不落
人後，該會已為利丰港培華
獨中籌得20萬令吉，希望農
友大力支持，繼續捐款。

農業及糧食安全部副
部長陳泓謙在會上
透露，該部門在去年7月推出
了GeoTanaman系統，以協助農
民及批發商依據供需進行糧食
農作物生產規劃，並開放市場
空間讓食品業者充分使用。

“這個系統就是要越
多人使用越精準，但目前使
用者還太少，我邀請馬來西
亞菜農總會昨日來我的辦公
室，我將請官員向大家講解
如何運作，大家一起集思廣

陳泓謙：使用者還太少 GeoTanaman助規劃生產

益做出改進。”

非法耕地 列入工作议程之一

至於大馬菜農總會提出
成立蔬果局的建議，陳泓謙
個人認為這項建議涉及農業
部的工作分責問題，確實不
容易處理。

惟他表示，他了解菜農
的上述建議，追根究底是菜
農認為他們在面對問題時，
往往缺乏與當局直接溝通的
管道，無人正視與聆聽他們
的心聲。

他指出，至於非法農耕
地問題，他將把這項課題列
下列為他的工作议程之一，

與該會攜手改善我國農糧安
全及人民生活福祉，把我國
農業做得更好。

陳泓謙在會上移交2萬令
吉撥款予馬來西亞菜農總會
及峇株巴轄縣菜農聯合會，
兩會各獲1萬令吉。

出席者還包括峇蘭州
議員顏碧貞；大馬菜農總會
會務顧問陳芬蘭、總會財政
張威揚；峇縣菜農聯合會主
席鄭榮傑、財政羅如山及籌
委會主席文云龍等。

Petani tanam timun rugi akibat cuaca panas

KOTA BHARU – Seorang petani yang menanam timun di Bukit Marak di sini, mengalami kerugian hampir RM10,000 apabila tanamannya terbantut selain diserang hama dan kulat ekoran cuaca panas melampau ketika ini.

Mohd. Zulfazli Mohd. Ariffin, 30, berkata, sebahagian daripada tanaman timun di kawasan seluas 2.4 hektar yang diusahakaninya tidak dapat mengeluarkan hasil apabila air di dalam telaga tiub kotor apabila telaga semakin cetek.

Menurutnya, air yang dipesuhi lumpur dari telaga tiub menyebabkan saluran tiub kecil ke polibeg tersumbat.

"Keadaan itu menyebabkan siraman air tidak sampai ke akar tanaman timun sehingga ada yang mati.

"Kebanyakan hasil tanaman timun juga terbantut apabila tidak



boleh membesar selain tidak mengeluarkan hasil," katanya ketika ditemui semalam.

Mohd. Zulfazli memberitahu, timun yang mengeluarkan hasil juga kecil berbanding saiz asal sekali gus menyukarkan proses semasa jualan apabila ia dijual mengikut gred A, B dan C.

Katanya, cuaca panas juga menyebabkan hanya 60 peratus hasil pertaniannya dapat dituai dalam tempoh sebulan.

"Kebiasaannya, timun boleh dituai dalam tempoh dua bulan. Ekoran cuaca panas, kebanyakannya saya hanya bertahan selama kurang daripada sebulan sebelum mati.

"Paling membimbangkan adalah serangan hama dan kulat yang merebak ke seluruh tanaman timun," katanya.

Tambahnya, bagi mengelakkan kerugian, dia terpaksa menjual timun tidak mengikut gred.

MOHD. ZULFAZLI menunjukkan saiz timun yang kecil akibat terbantut ekoran terdedah kepada cuaca panas selain serangan hama dan kulat di kebunnya di Bukit Marak, Kota Bharu. – ROHANA MOHD. NAWI



Pesta Kerjaya Tani memberi peluang pelajar untuk mendapat lebih banyak informasi mengenai laluan kerjaya daripada pemain industri.

Pesta Kerjaya Tani bantu cari laluan kerjaya

Serdang: Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Pertanian (PERMATANI) buat julung kalinya menganjurkan Pesta Kerjaya Tani 2023 dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam sektor pertanian.

Pengarah Program, Nik Zaini Peei, berkata program itu bagi mempersiapkan pelajar untuk memilih bidang kerjaya masa hadapan setelah tamat pengajian.

Menerusi program itu juga pelajar berpeluang mencari peempatan bagi menjalani latihan industri yang akan dilaksanakan pada semester terakhir pengajian.

"Melalui pameran ini juga pelajar boleh mendapatkan maklumat kerjaya terus daripada syarikat yang terbabit. Ia tentu saja boleh dimanfaatkan dalam usaha meraka memburu atau membentuk

kerjaya dalam bidang pertanian," katanya.

Pesta Kerjaya Tani yang bertemakan 'Pemimpin lahir di sini' membabitkan tujuh syarikat pertanian merangkumi bidang akuakultur, perladangan, hortikultur, ternakan dan Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur.

Sementara itu Timbalan Presiden PERMATANI, Muhammad Alfaris Yulfendi berkata, pameran kerjaya sebegini amat penting bagi pelajar kerana berpeluang mengenal peminat industri serta membantu mereka untuk memilih laluan kerjaya.

Antara syarikat yang meriahkan program itu termasuklah PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd; Top Fruits Sdn Bhd; INO Nature Sdn Bhd; Genting Plantations Berhad; Behn Meyer AgriCare (M) Sdn Bhd; Idea Company Sdn Bhd dan Dr Aquascape.

Remaja bakar anjing terlepas hukuman sebatan ringan

JOHOR BAHRU – Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam menetapkan hukuman sebatan ringan sebanyak tujuh tahun kepada tiga remaja lelaki yang didapati bersalah mengesyakkan kesakitan secara kejam terhadap seekor anjing Mac lali.

Hakim Datuk Abu Bakar Karim membuat keputusan itu selepas melakukan semakan ke atas hukuman yang dijatuhkan terhadap Braden Yap Hong Sheng, 19, pada 18 April lalu.

Dalam hukuman terdahulu, Braden dituntut hukuman sebatan ringan sebanyak tujuh kali serta bon berkeputusan baik selama setahun oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Pegawai tertuduh, G.K. Sriharan, memberitahu, Hakim Mahkamah Tinggi (Abu Bakar) telah memanggil pihak pendakwaan dan pembelaan bagi mendengar prosiding semakan jenayah terhadap hukuman itu semalam.

"Mahkamah Tinggi telah membuat semakan jenayah dan mengubah hukuman sebatan tujuh kali itu dan sekarang hukuman yang tinggal

hanya bon berkeputusan baik selama 12 bulan.

"Asas diberikan mengikut perintah Seksyen 283 Kanun Prosedur Jenayah adalah tidak boleh ada dua hukuman kerana pertikaian 'atan' dalam seksyen tersebut.

"Mahkamah Sesyen sebelum ini memberikan dua hukuman iaitu satu sebatan dan satu bon, jadi ia tidak boleh," katanya ketika ditemui di pejabat mahkamah di sini, semalam.

Pendakwaan diketendahkan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Syahq Mohd Ghazali, Mahkamah Sesyen sebelum ini menetapkan tarikh hari ini

(semalam) untuk pelaksanaan hukuman sebatan ringan terhadap tertuduh.

Pada 12 April lalu, Braden mengaku bersalah telah menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing betina berwarna coklat di depan sebuah premis di Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai di sini, pukul 1.49 pagi, pada 27 Mac lalu.

Atas kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 290(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama.



SRITHARAN (kanan) berunding dengan Braden (tengah) di pejabat Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, semalam.

22/5/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

7

Subsidi lewat, mansuh kawalan harga dorong kenaikan 30 peratus

Ayam boleh cecah RM26 seekor

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Harga ayam dijangka naik 30 peratus atau RM26 seekor pada Julai ini dipengaruhi kelewatan pembayaran subsidi kepada penternak.

Kenaikan juga didakwa bersangkutan keputusan kerajaan untuk mengapungkan harga bahan mentah tersebut pada Julai. Sumber industri yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, berdasarkan libat urus dengan penternak ayam bersepadu, penternak kontrak serta pemborong, masing-masing resah kerana ketiadaan subsidi akan memaksa setiap sub-rangkaian industri ayam untuk menaikkan harga kerana tidak mampu menanggung kos operasi.

Kata sumber, semua penternak sedang 'sakit' kerana kerajaan mengenakan kawalan harga tetapi tiada langkah inter-

vensi bagi membantu industri mendepani cabaran kenaikan harga dedak, anak ayam serta kos operasi termasuk kadar elektrik dan upah buruh yang tinggi.

Justeru katanya, apabila sistem kawalan harga dimansuhkan pada hujung Jun, kenaikan harga ayam akan berlaku secara mendadak sekitar 30 peratus iaitu mencecah RM26 seekor di pasaran.

"Yang saya paling takut, kerajaan umumkan harga ayam akan diapungkan selepas 30 Jun, sudah keluar kenyataan. Itulah keputusan Kabinet, keputusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) semua sekali.

"Tapi subsidi tak bagi. Jadi macam mana penternak mahu rancang pengeluaran maksimum. Sekarang ini bekalan masih tak cukup. Jadi apabila harga ayam diapungkan selepas Julai, maka secara automatik harga akan mencanak naik, tengoklah nanti," kata sumber di

sini, semalam.

Pada 21 Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga ayam dan telur dijangka diapungkan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.

Mengulas perkara itu, sumber industri berkata, apabila harga ayam diapungkan, pengeluaran yang masih tersekat akibat ketiadaan subsidi akan memaksa pasaran berebut-rebut mendapatkan bekalan ayam.

Sedangkan, katanya pengeluaran semasa sangat terhad apabila kebanyakan integrator serta penternak cuma mampu mengeluarkan 40 peratus ayam masing-masing berbanding pengeluaran yang optimum.

"Kerugian (kepada penternak) disebabkan kawalan harga memang nyata. Saya libat urus

dengan ahli industri, ada yang berkata mereka cuma mampu memasukkan 80,000 ekor anak ayam day old chick (DOC) berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini, ladang broiler berkapasiti sederhana mampu mengeluarkan 200,000 DOC satu musim pusingan, tapi sekarang susut 60 peratus kepada 80,000 ekor DOC saja. Harga DOC pula masih mahal, sekarang ini seekor di antara RM3.20 sehingga RM3.40," katanya.

Dalam pada itu, sumber mendesak kerajaan berlaku jujur dan menjelaskan kepada pemain industri ayam, apakah sebenarnya masalah dalam penyaluran subsidi.

Kata sumber, pihaknya difahamkan bagi tahun ini kerajaan sebenarnya sudah memperuntukkan subsidi berjumlah RM1.2 bilion kepada sektor ayam dan telur, namun belum dinikmati pengusaha ayam.

Konspirasi dorong seleweng diesel?

PETALING JAYA: Ketirisan diesel bersubsidi kepada nelayan yang mengakibatkan kerugian berbilion ringgit didakwa berpunca akibat kawal selia kerajaan yang lemah dan longgar.

Ini berpunca daripada lambakan pusat jualan diesel (PJD) swasta yang berkolaborasi dengan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang dikesan menjual bahan api bersubsidi itu sewenang-wenangnya.

Satu sumber agensi yang ditemui *Utusan Malaysia* semalam mendedahkan, pihaknya menegakan salah laku PJD banyak berlaku di Perak dan Sabah.

Menurut sumber, di seluruh negara terdapat 48 kompleks pendaratan ikan milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta 351 jeti-jeti pendaratan ikan milik kerajaan.

Daripada jumlah itu, kata sumber, dianggarkan 50 peratus daripada seluruh jeti pendaratan ikan tersebut menempatkan PJD yang dibangunkan dengan campurtangan pihak swasta yang langsung tidak dipantau dari segi penjualan diesel kepada nelayan.

"Daripada semua jeti ini, memang langsung tiada pegawai khusus LKIM yang memantau penjualan minyak diesel bersubsidi kepada nelayan.

"Sebaliknya yang LKIM ada cuma kakitangan yang memungut data pengisytiharaan pendaratan ikan sahaja di jeti-jeti. Mereka cuma mengumpulkan data saja, namun tiada kuasa untuk memantau penjualan minyak diesel tadi.

"Kesannya, penyejuaian jualan minyak (PJM) yang dilantik oleh Persatuan Nelayan (PN) boleh menjual minyak kepada sesiapa sahaja yang memerlukan bahan api itu," kata sumber di sini, semalam.

Isu telur omega, veterinar pantau ladang telur

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa menjalankan pemantauan di ladang-ladang ternakan ayam bagi memastikan pengeluaran telur mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Dalam kenyataan balas kepada *Utusan Malaysia*, DVS merujuk kepada laporan akhbar ini berjudul Telur biasa ditukar label omega bertarikh 15 Mei 2023.

DVS berkata, mana-mana telur yang diragui boleh dihantar ke makmal yang telah mendapat akreditasi ISO/IEC 17025 untuk menguji kandungan omega di dalam telur berkenaan.

"DVS dari semasa ke semasa menjalankan pemantauan di ladang-ladang ternakan ayam bagi memastikan pengeluaran telur adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan agar rakyat mendapat bekalan telur yang berkualiti dan selamat untuk dimakan.

"Selain itu, laporan atau aduan kesangsian tentang ketulen telur omega yang dibuat hendaklah turut disertakan dengan label telur serta maklumat ladang atau pengeluar telur yang terbahit bagi memudahkan tugas tugas penyiasatan," kata kenyataan tersebut.

DVS berkata, telur adalah sejenis makanan yang tertak-



JABATAN Perkhidmatan Veterinar sentiasa memastikan pengeluaran telur ayam Omega mengikut piawaian yang ditetapkan. - UTUSAN/SHIDDIQIN ZON

luk kepada Akta Makanan 1983 (Akta 281) di bawah kawal selia Kementerian Kesihatan (KKM).

"Walaupun demikian, Jabatan ini akan bekerjasama dengan KKM untuk memastikan pengeluaran mematuhi keperluan Akta Makanan yang berkaitan dengan telur omega," kata kenyataan itu.

Sejak 4 Disember tahun lalu, akhbar ini konsisten melaporkan penipuan label telur pre-

mium memburukkan lagi krisis kekurangan bekalan sumber protein itu dalam negara.

Ini selepas sekurang-kurangnya dua sumber dalam industri yang ditemui akhbar ini mendedahkan, sehingga kini tiada tindakan diambil mana-mana pihak bagi menangani komplot yang menipu pengguna.

Kata sumber, isu pelabelan telur itu sudah berlaku sejak pu-

luhan tahun, apabila ada ladang telur, pemborong dan peruncit yang mendapati tiada pihak memantau label dan pengedaran telur, maka mereka mula meletakkan label premium pada telur keluaran masing-masing malah sewenang-wenangnya meletakkan label premium dan kaya omega pada produk telurnya, sedangkan tiada langsung mana-mana agensi kerajaan yang mengesahkannya.

22/5/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

36



AMOI Latif menunjukkan bekalan air untuk memasak yang disimpan di rumahnya di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Bekalan air tandak Orang Asli kering

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamula.com.my

GUA MUSANG: Dianggarkan 500 penduduk Kampung Pasir Linggi dan Kampung Machang di Pos Lebir di sini berdepan dengan masalah bekalan air terputus akibat cuaca panas sejak tiga minggu lalu.

Menurut penduduk, masalah bekalan air semakin meruncing apabila takungan air tandak atau air tadahan bukit yang menyalurkan air ke rumah penduduk tidak mampu menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Seorang penduduk, AMOI Latif, 55, berkata, cuaca panas menyebabkan air sungai semakin cetek dan air takungan juga semakin berkurangan.

Katanya, penduduk kampung perlu memungkah air setiap hari dari Sungai Lebir yang jaraknya

lebih 500 meter.

"Sudah tiga minggu kami berhadapan masalah ketiadaan air pada waktu siang.

"Pada waktu tengah malam kami menadah air untuk keperluan memasak tetapi tetap tidak mencukupi kerana tidak mempunyai tong yang besar," katanya. Penghulu Kampung Pasir Linggi, Harun Ismail berkata, masalah kekurangan air tandak telah berlarutan sejak tiga minggu.

Katanya, penduduk terpaksa berjalan kaki atau menaiki motosikal untuk mengangkut air sungai.

"Takungan air tandak sudah tidak cukup untuk menampung keperluan 500 penduduk di sini dan ditambah pula cuaca kering dan air sungai semakin cetek.

"Kami harap masalah ini dapat diatasi dengan secepat mungkin dan kami berharap takungan air tandak ini dapat dibaik pulih

atau dibesarkan terutama ketika menghadapi musim cuaca panas sekarang," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, pihaknya yang mengadakan aktiviti di kawasan berkenaan menerima aduan daripada penduduk Orang Asli berkaitan masalah air.

Katanya, air tandak di penempatan Orang Asli suku kaum Mendriq dan Bateq itu semakin berkurangan akibat cuaca panas berpanjangan selain kolam takungan air tandak yang kecil.

"Kita telah bincang kaedah sama ada untuk membaiki atau membesarkan kolam tandak air.

"Saya akan cuba membantu dan membuat permohonan melalui Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan untuk supaya isu air ini dapat kita selesaikan," katanya.

Petani dinasihatkan jangan membazir air

GUA MUSANG: Petani dan pekebun di negeri ini diminta tidak membazir dan mengawal penggunaan air untuk tujuan pengairan sepanjang musim kemarau ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, langkah itu disarankan bagi memastikan penggunaan bekalan air dapat diminimumkan, sekaligus mengelak daripada berlakunya masalah bekalan air.

Katanya, para petani juga hendaklah memastikan saliran air dapat diselenggara serta tidak membuang air bagi mengelak pembaziran.

"Kita berharap petani menggunakan air dengan sebaiknya untuk menyiram tanaman. Petani perlu sentiasa membaiki

saliran dan air tandak yang dapat digunakan sebaiknya.

"Jika ada air yang dapat digunakan semula untuk proses kitaran, kita perlu gunakan kerana ingin pastikan tanaman tidak musnah walaupun berlaku musibah kemarau yang ketara," katanya selepas menyampaikan bantuan bekalan makanan kepada penduduk Orang Asli sempena Program Misi Hijau Siri 8 di Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir di sini semalam.

Tuan Mohd. Saripudin juga memberitahu pihaknya juga tidak menerima laporan terbaharu mengenai pembakaran tanah kebun atau tanah gambut secara berskala besar.

Katanya, para petani dan pekebun sudah mendapat panduan tidak membuat pembakaran terbuka atau membakar kawasan hutan.



TUAN Mohd. Saripudin Tuan Ismail (tengah) menyantuni penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Cuaca panas: FAMA bantu usahawan tani

KUALA TERENGGANU: Usahawan tani di negeri ini yang berdepan masalah pemasaran produk pertanian berikutan cuaca panas ketika ini perlu tampil untuk mendapatkan bantuan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya mempunyai banyak kaedah untuk membantu mereka

memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani, Jualan Agro Madani dan outlet peruncitan FAMA di seluruh negara.

Menurutnya, FAMA sentiasa membantu usahawan-usahawan tani yang memerlukan tanpa mengira musim banjir atau musim panas kerana bantuan yang disediakan terbuka sepanjang masa.

"Malah, apa sahaja masalah yang dibangkitkan usahawan tani kita akan cuba selesaikan,

jumpa mereka untuk mengetahui punca, kita ada pelbagai solusi penyelesaian.

"Setakat ini, kita dah selesaikan banyak isu-isu yang dibangkitkan usahawan tani termasuk di media sosial antaranya Johor, Selangor Negeri Sembilan dan Terengganu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di sini, semalam.



ABDUL Rashid Bahri (berdiri, lima dari kiri) bersama usahawan yang menerima bantuan pada Program Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA

Fama to open more farmers' markets nationwide

KUALA TERENGGANU: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) aims to open 14 new farmers' markets across the country this year.

Acting Fama director-general Abdul Rashid Bahri said so far, five new farmer's markets have been opened after studies on all

aspects were carried out.

"Before we open new outlets, Fama carries out a market study that takes into account population density, the number of nearby supermarkets, purchasing power, and approval from local authorities. Besides these, it also depends on the budget and site suitability.

So far, there are 250 farmer's markets throughout the country," he told Bernama after the handover ceremony of marketing equipment for Terengganu entrepreneurs at the Terengganu Fama office here yesterday.

Abdul Rashid said Fama provides opportunities for entrepre-

neurs to market their products at the agency's facilities.

He added Fama has various marketing methods, including farmers' markets, online agrobaazaars, and effective strategic marketing partners and strategies that could be adapted to any form of business.

Veggie farmers seek govt's help to expedite big data system

GEORGE TOWN: A big data system on vegetable supply in the country should be implemented and spearheaded by related agencies such as the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

The Federation of Vegetables Sellers Associations' president Lee Kha Shiuann said this was because the federation and its member associations lacked the financial and technical capability to do so.

"Therefore, it is better for the related agencies such as Fama to implement the system as it has better resources and the technical know-how," he said on the system

announced by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu recently.

Mohamad said early this month that the ministry was working on setting up a big data system to obtain real-time information on vegetable supply in the country.

Lee said the system would not only help farmers plan which vegetables had to be planted but also stabilise vegetable prices.

In urging the Federal Government to expedite the setting up of the system, he said the move could help prevent overproduction of vegetables, which would lead to a drastic drop in prices.

He said the system would also

allow farmers to carefully plan for the planting season.

"If a farmer wants to plant ladies' fingers, he or she can know how much of that crop is needed.

"If ladies' fingers is already in abundance, there will be no need for them to plant that crop during that particular period," he said after the 49th anniversary dinner of the Federation of Vegetables Sellers Associations here on Saturday.

Penang Vegetables Wholesalers Association chairman Tan Ban Ben said the price of vegetables had dropped significantly after Hari Raya Aidilfitri due to lower demand.



Useful records: The Agriculture and Food Security Ministry is working on setting up a big data system to obtain real-time information on vegetable supply in the country. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

22/5/2023

SINAR
HARIAN

NEGARA

4

FAMA bantu usahawan tani terjejas cuaca panas



ABDUL RASHID (berdiri, lima dari kiri) bersama usahawan yang menerima bantuan di Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu semalam.

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia membantu usahawan tani yang berdepan masalah pemasaran produk pertanian disebabkan cuaca panas ketika ini.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya mempunyai banyak kaedah untuk membantu merdeka memasar hasil tani.

"Produk pertanian itu boleh dipasarkan di pasar tani, premis peruncitan FAMA dan program Jualan Agro Madani yang diadakan di seluruh negara.

"FAMA sentiasa membantu usahawan memerlukan tanpa mengira musim banjir atau musim panas," katanya selepas menyerahkan Bantuan Peralatan

Sokongan Pemasaran Usahawan Terengganu di sini semalam.

Seramai 12 usahawan Terengganu menerima bantuan peralatan sokongan pemasaran bernilai RM202,250.

Abdul Rashid berkata, bantuan itu merangkumi geran Agro-preneur Muda, signatur produk Terengganu, bantuan peralatan sokongan pemasaran serta insentif peralatan bagi program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran.

Tambah beliau, FAMA sentiasa proaktif cuba menyelesaikan setiap masalah dibangkitkan usahawan tani.

"Apa sahaja masalah kita cari punca dan solusi. Setakat ini, kita sudah selesaikan banyak isu dibangkitkan usahawan tani ter-

masuk di media sosial," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid menyeru usahawan tani mendaftar di bawah program Ladang Kontrak.

Katanya, ia membolehkan golongan tersebut menerima pelbagai kemudahan dan manfaat seperti pengangkutan menghan-tar hasil pertanian.

"FAMA mahu tingkatan pengetahuan, kemahiran serta daya saing usahawan melalui latihan di bawah program tersebut.

"Ia bertujuan meningkatkan pendapatan usahawan memberi bantuan projek ekonomi," katanya.

Abdul Rashid berkata, seramai 5,696 usahawan di seluruh negara telah menerima manfaat tersebut sejak awal tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	20



TINJAUAN di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu mendapati harga sayur-sayuran tidak stabil apabila mengalami penurunan dan kenaikan setiap minggu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Harga sayur turun naik setiap minggu

Kota Bharu: Harga sayur-sayuran di negeri ini didapati mengalami penurunan dan kenaikan hampir setiap minggu.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong mendapati harga tomato turun dari RM5 kepada RM4 sekilogram, sawi RM10 kepada RM8 sekilogram dan lada solok turun kepada RM10 daripada RM15 sekilogram berbanding sebelum ini.

Manakala harga sayur yang naik pula ialah kacang panjang dari RM5 kepada RM8 sekilogram, cili padi merah dari RM12 kepada RM16, namun harga kobis kekal RM4 sejak dua minggu lalu.

Peniaga, Farida Hamimi

Mustafa, 28, berkata harga sayur-sayuran akan turun naik bergantung kepada bekalan yang diterima di mana harga akan naik jika bekalan sedikit dan sebaliknya.

"Seperti minggu ini, bekalan kacang panjang dan cili padi merah kurang menyebabkan harganya naik masing-masing daripada RM5 kepada RM8 serta RM12 kepada RM16.

"Bagi tomato, terung, lada solok pula, harganya turun kerana bekalannya banyak dan permintaan pula kurang.

"Kemungkinan harga sayur-sayuran kembali naik terutama ketika musim cuti sekolah dan Hari Raya Aidiladha berikutan orang ramai mendapatkan bekalan



HARGA sayuran di Kelantan bergantung kepada bekalan.

untuk mengadakan kenduri," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga lain, Nudin Dollah, 53, berkata pelbagai faktor menyebabkan harga sayur tidak stabil sama ada bekalan kurang atau banyak.

"Harga sayur naik kerana bekalan kurang, sedangkan

permintaannya pula tinggi. Jadi harga yang kita dapat daripada pemborong juga meningkat.

"Namun, sebagai peniaga saya tetap menjual dengan harga yang ditetapkan dan lebih rendah kerana tidak mahu membebankan pengguna," katanya yang berniaga sejak 20 tahun lalu.

22/5/2023

SINAR

BISNES

28

HARIAN

Setakat ini lima pasar tani baharu telah dibuka selepas kajian daripada semua aspek dijalankan

FAMA sasar buka 14 pasar tani baharu tahun ini

KUALA TERENGGANU

embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk membuka 14 lokasi pasar tani baharu di seluruh negara tahun ini.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, setakat ini lima pasar tani baharu telah dibuka kepada orang ramai selepas kajian daripada semua aspek dijalankan.

"Sebelum membuka satu-satu outlet baharu, FAMA akan buat kajian pasaran yang mengambil kira faktor kepadatan penduduk, bilangan pasar raya berhampiran, kuasa beli penduduk dan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Selain itu, ia juga bergantung kepada bajet dan kesesuaian tapak untuk

pembukaan outlet bagi program pemasaran. Setakat ini terdapat 250 pasar tani di seluruh negara," katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di Pejabat FAMA Terengganu di sini pada Ahad.

Seramai 12 usahawan menerima sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuk Geran Agropreneur Muda dan peralatan mesin yang berjumlah RM200,000.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, FAMA juga sentiasa memberi ruang kepada usahawan atau petani memasarkan produk mereka di fasiliti milik agensi berkenaan.

"Peluang untuk petani atau usahawan memasarkan produk mereka memang sentiasa kita buka. Tak kiralah musim panas, hujan atau apa-apa musim.



Rashid (lima dari kiri) dan Nukman (enam dari kanan) bergambar bersama usahawan FAMA pada Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan di Pejabat FAMA Terengganu pada Ahad.

"(Petani atau usahawan) boleh datang jumpa dan kami akan nasihatkan apakah program pemasaran sesuai buat mereka," katanya pada program

yang turut dihadiri Pengarah FAMA Terengganu, Nukman Hashim.

Selain itu, petani atau usahawan juga boleh menggunakan

kan perkhidmatan bilik sejuk FAMA di 40 pusat operasi untuk tujuan penyimpanan produk berbeza pada kadar sewa yang berpatutan. - Bernama

Kerajaan Persekutuan tumpu lima aspek bangunkan Kedah

Agro-perniagaan, pendidikan tahfiz, TVET, telekomunikasi dan jaminan bekalan air akan diberikan keutamaan

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Kerajaan Persekutuan menggariskan lima aspek yang akan diberikan keutamaan di Kedah dalam membangunkan negeri itu dan meningkatkan kebajikan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, tumpuan termasuk usaha membangunkan agro-perniagaan, pendidikan tahfiz, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), telekomunikasi serta jaminan bekalan air untuk sektor pertanian dan domestik.

Menurutnya, perancangan untuk rakyat Kedah itu pastinya akan lebih lancar sekiranya Kerajaan Perpaduan mengambil alih kerajaan negeri agar apa yang dirancang dapat direalisasikan.

"Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kedah, Datuk Mahfuz Omar ada menyebut tiga perkara uta-

ma yang ada dalam perancangan saya.

"Agro-perniagaan antaranya, bukan hanya isu keterjaminan makanan, selain menjadikan Kedah kekal sebagai negeri Jelapang Padi.

"Ia merangkumi keberhasilan produktiviti kepada usahawan padi dan harus dipertingkatkan menerusi metodologi atau kaedah baharu oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Negeri Majlis Pimpinan Perpaduan Kedah di sini pada Ahad.

Hadir sama, Mahfuz dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Konvensyen peringkat negeri itu adalah yang pertama diadakan selepas Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan yang berlangsung pada minggu lalu.

Ahmad Zahid berkata, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) juga akan menyalurkan bantuan melalui pen-



Perancangan untuk rakyat Kedah akan lebih lancar sekiranya Kerajaan Perpaduan mengambil alih kerajaan negeri agar apa yang dirancang dapat direalisasikan seperti penyelesaian bekalan air untuk kegunaan domestik dan pertanian serta memperkasakan pendidikan TVET. Gambar kecil: Ahmad Zahid.

dekatan sama agar nasib pesawah terus dibela, bukan hanya isu harga padi, subsidi baja dan pelbagai bantuan lain.

"Keseluruhan ini penting untuk kelancaran semua aspek. Saya telah melakukan lawatan ke Empangan Muda dan Pedu.

"MADA memberi jaminan musim penanaman padi

pinggiran dalam pembangunan TVET. Kewujudan UniKL di Kulim Hi Tech akan kita tingkatkan dengan beberapa program bersejuaian kehendak pasaran tenaga.

"Kita juga akan wujudkan TVET di bawah KEDAselain memperkukuhkan lagi institusi TVET sedia ada," katanya.

22/5/2023

NST

NEWS

4

LONG-TERM PLAN

5 AGENDAS FOR KEDAH'S DEVELOPMENT

Unity govt aims to boost agro-business, tahirz schools and TVET, resolve water woes and improve rural connectivity

AHMAD MIKISEIN MUHAMMAD
KUALA LUMPUR
bersehat.com.my

DPUTY Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yesterday unveiled the unity government's five primary agendas to propel Kedah's development.

He said the agendas comprised empowering agricultural businesses, tahirz schools and technical and vocational education and training, resolving water woes and improving internet connectivity in the state's rural areas.

Zahid said although the agendas were part of the Pakatan Harapan government's manifesto, the execution of the agendas would be greatly expedited if the state government was streamlined with the Madani administration in the upcoming state election.

"These are not our (state) election manifestos, but *Insyallah*, we aim to wrest the state and primary the state government of programmes outlined by the federal government."

"These long-term plans and measures will be rolled out by the government of matter what the outcome of the state election."

"But if we manage to take over the state government's administration, the policies can be better implemented by the state-level Unity Convention at Ampang Business Park yesterday."

Present were Kedah PH chairperson and National Chairman Datuk Seri Mahdzar Khalid. Zahid, who is also rural and regional development minister,

said federal agencies, such as the Muda Agricultural Development Authority (MADA) and the National Global Development Authority (Keda) would play a significant role in the empowering of agro-business and TVET education.

"We will adopt new methodologies and approaches to improve padi productivity, as well as studying measures to guarantee water supply for padi farmers, particularly during the current dry spell."

On tahirz schools, Zahid said the federal government was committed to empowering students with TVET training and design education. Quality education was not neglecting vernacular schools.

"Universiti Kuala Lumpur and other universities under the ministry are committed to helping rural areas with TVET education as studies, but up to the doctorate level."

Zahid added that there were 9,000 students in 1,199 tahirz schools in the state. He pledged to assist schools that had yet to register with the government agency to do so.

He said the ministry would also set up a dedicated TVET college in the state to cater to the demand for training in the state.

"The government allocated RM6.8 billion for 129 TVET institutions nationwide, and it is important that Kedah is not left behind."

"We will empower (TVET) with enhancement programmes or offer courses and programmes that suit the needs of the state," Zahid, who is PH chairman and

Umno president, gave his assurance that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim was committed to resolving the state's water woes.

The same dedication applies to improving telecommunications services in rural areas, including the rolling out of the 5G network. "I have emphasised that rural areas must not be neglected in the rolling out of 5G and 1 will monitor its progress."

Zahid said he would lead the SG network, and are aiming for 80 per cent coverage in densely populated areas by the end of the year.

Muara 'kering' sukarkan 300 nelayan

Kemaman: Keadaan muara cetek di pantai Kemasi di sini, menyebabkan hampir 300 nelayan pantai berdepan kesukaran untuk keluar dan masuk melakukan aktiviti menangkap ikan.

Nelayan, Mohd Raffi Yusof, 55, berkata, masalah yang berlaku sejak sekian lama semakin serius sehingga muara itu membentuk timbunan pasir, sekali

gus menutup laluan keluar masuk bot nelayan.

"Bila waktu air surut, kami tidak boleh keluar ke laut serta tidak dapat masuk mendaratkan hasil tangkapan dan terpaksa menunggu sehingga air kembali pasang semula.

"Bot kami tidak dapat melepasi beting pasir yang terbentuk itu. Sudah lima ta-

hun kami berdepan dengan situasi ini dan menjejaskan sumber pendapatan," katanya.

Katanya, sekiranya berada di laut, nelayan terpaksa bergegas pulang kerana bimbang air semakin surut serta menyulitkan mereka untuk memasuki muara ter-

babit.

"Jika lambat, kami akan berdepan masalah kerana terpaksa berhempas pulas

memasuki muara dan jika nasib tidak baik, bot kami akan terlanggar beting pasir dan akan mengalami kerosakan.

"Banyak berlaku perkara sedemikian dan banyak bot nelayan rosak terutama pada bahagian kipas bot," katanya.

Rakannya, Mohd Shamri Mat Hassan berkata, laluan

sa mengejar masa untuk pulang bagi mengelak berdepan situasi itu.

"Justeru, kami berharap masalah ini diambil perhatian oleh pihak berwajib dengan segera," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kemasi, Saiful Azmi Suhaili berkata, kerja-kerja baik pulih dan mendalikan muara terabit sudah termasuk dalam skop kerja Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).



KEADAAN muara pantai Kemasi. Kemaman yang cetek menyulitkan nelayan keluar masuk menangkap ikan. - Gambar NSTP/ROSLI ILHAM

Muara di pantai Kemasik cetek sulitkan nelayan

Kemaman: Masalah muara cetek di pantai Kemasik di sini, menyebabkan hampir 300 nelayan pantai di kawasan itu berdepan kesukaran untuk keluar dan masuk ke jeti ketika menangkap ikan.

Nelayan, Mohd Raffi Yusof, 55, berkata, masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu menjadi semakin serius sehingga terbentuk timbunan pasir di muara, sekali gus menutup lautan keluar masuk bot nelayan.

"Apabila air surut, kami tidak boleh keluar ke laut serta tidak dapat masuk mendaratkan hasil tangkapan dan terpaksa menunggu sehingga air pasang.

"Bot kami tidak dapat melepasi beting pasir yang terbentuk itu. Sudah lima tahun kami berdepan dengan situasi ini dan ia



Kedudukan muara Kuala Kemasik yang cetek menyebabkan bot nelayan tidak dapat melepasi beting pasir yang terbentuk.
(Foto Rosli Itham/BH)

pit dan hanya muat untuk sebuah bot dan keadaan itu menyebabkan nelayan terpaksa bergilir-gilir untuk keluar dan masuk.

Katanya, nelayan terpaksa keluar ke laut sebelum subuh dan perlu segera pulang pada tengah hari kerana jika lambat, lautan masuk itu akan tertutup.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, Saiful Azmi Suhaili, berkata kerja baik pulih dan mendalamkan muara itu sudah termasuk dalam skop kerja Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

"Kita akan berbincang dengan pihak JPS bagi mencari jalan penyelesaian supaya lautan keluar masuk di muara itu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin," katanya.

"Kejadian itu kerap berlaku dan banyak bot nelayan rosak, terutamanya pada bahagian kipas bot," katanya.

Rakannya, Mohd Shamri Mat Hassan, berkata lautan keluar masuk di muara ini sangat sem-

menyulitkan mereka memasuki muara terbabit.

"Jika lambat, kami akan berdepan masalah memasuki muara dan jika nasib tak baik, bot kami akan terlanggar beting pasir dan rosak.

menjejaskan sumber pendapatan nelayan di kawasan ini," katanya.

Menurutnya, sekiranya berada di laut, nelayan terpaksa bergegas pulang kerana bimbang air semakin surut serta